



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
ISNIN 27 MAC 2023

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4.	PENYEWA KONDOMINIUM DITAHAN, NASIONAL, BH -20 PENYEWA KONDOMINIUM BUNUH, LAPAH KUCING DITANGKAP, NEGARA, KOSMO -8 LELAKI 'PENCINTA HAIWAN' DITAHAN, LOKAL, HM -3 PENYEWA DITAHAN KES ANIAYA KUCING, NASIONAL, SH -6	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
5. 6.	31 NELAYAN CEROBOH NEGARA DITAHAN, DALAM NEGERI, UM -8 4 BOT VIETNAM DIKEJAR DUA JAM, NASIONAL, BH -21	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
7.	FAMA BUKA TIGA BAZAR RAMADHAN DI SABAH, TAWAR HARGA BERPATUTAN, SABAH GAZETTE -ONLINE	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
8. 9. 10. 11. 12. 13. 14.	AJAR ERTI SABAR BELA KUCING ISTIMEWA, NASIONAL, SH -6 GANGGUAN EMOSI PUNCA SI PELAKU ZALIM, NASIONAL, SH -6 NORHAEDA KONGSI REZEKI DENGAN 48 EKOR KUCING JALANAN, NASIONAL, SH -6 RAIH RMS,000 SEMUSIM TANAM GOLDEN MELON, NEGARA, KOSMO -16 UPM RINTIS PENANAMAN UBI KONJAK, PENDIDIKAN, BH -25 FORMER EDITOR NURTURES NEW LIFE AS FARMER, NATION, THE STAR -7 LIM GUAN ENG: MAFS MINISTER TO MEET WITH MEAT SELLERS TOMORROW TO DISCUSS SKYROCKETING, NATIONAL, NANYANG SIANG PAU -A2	LAIN-LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/3/2023	BERITA HARIAN	NASIONAL	20

Kes bunuh kucing

Penyewa kondominium ditahan

Kuala Lumpur: Polis menahan seorang lelaki bagi membantu siasatan berhubung penemuan puluhan bangkai dan rangka kucing dipercayai dibunuh dalam unit kediaman sebuah kondominium di Bandar Sri Permaisuri, Cheras, baru-baru ini.

Ketua Polis Daerah Cheras, Asisten Komisioner Zam Halim Jamaluddin ketika dihubungi, berkata lelaki berusia 31 tahun yang juga penyewa kondominium itu ditahan di sebuah lokasi di Cheras, kelmarin.

“Suspek ditahan di Cheras, semalam (kelmarin) dan dia di-reman hingga 28 Mac ini untuk membantu siasatan,” katanya.

Jumaat lalu, *BH* melaporkan perlakuan tidak berperikemanusiaan itu didedahkan oleh Persatuan Haiwan Malaysia (MAA) menerusi satu kenyataan di Facebook persatuan.

Katanya, perbuatan lelaki berusia 31 tahun dipercayai penyewa rumah itu terbongkar selepas pemiliknya membuat pemeriksaan dan menemui puluhan rangka, organ serta daging kisar haiwan disyaki kucing dalam rumah berkenaan.

Difahamkan, pemilik rumah terpenggil untuk membuat peme-



Puluhan bangkai dan rangka kucing di sebuah rumah sewa di Kondominium Bayu Tasik, Bandar Sri Permaisuri, Cheras.

riksaan selepas menerima aduan jiran yang tidak tahan dengan bau busuk dipercayai datang dari unit kediaman itu.

MAA berkata, pemilik rumah membuat laporan polis berhubung penemuan itu pada 13 Mac lalu.

Bagaimanapun, menurut MAA laporan dibuat tidak dilayan dengan alasan polis tiada kuasa membuat siasatan dan penguatkuasaan walaupun terdapat Seksyen 428 Kanun Keseksan di bawah bidang kuasa polis.

Aduan akhirnya sampai kepa-

da MAA sebelum dipanjangkan kepada Ketua Seksyen Lembaga Kebajikan Haiwan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Putrajaya supaya satu siasatan dijalankan secara komprehensif, segera dan menyeluruh.

Bagaimanapun, kelmarin Zam Halim berkata, polis sudah membuka kertas siasatan berhubung kes itu mengikut Seksyen 428 Kanun Keseksan (melakukan khianat dan membunuh haiwan) susulan laporan polis diterima pada 13 Mac lalu.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/3/2023	KOSMO	NEGARA	8

Penyewa kondominium bunuh, lapah kucing ditangkap

KUALA LUMPUR – Perbuatan kejam seorang individu melapah kucing terbongkar sekali gus menyebabkan dia ditahan di sebuah kondominium di Cheras di sini kelmarin.

Ketua Polis Daerah Cheras, Asisten Komisioner Zam Halim Jamaluddin berkata, suspek berusia 31 tahun yang ditahan itu merupakan penyewa di kondominium tersebut.

Selain tangkapan, polis menemui puluhan rangka kucing di kediaman suspek.

“Suspek ditahan reman sehingga Selasa ini dan siasatan lanjut mengenainya masih diteruskan,” katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Sebelum ini, Persatuan Haiwan Malaysia mendedahkan penemuan puluhan bangkai yang dipercayai kucing yang disimpan di sebuah kondominium.

Presidennya, Arie Dwi Andika memberitahu, perkara tersebut dibongkar susulan aduan pen-



BANGKAI kucing yang ditemui di sebuah kondominium di Kuala Lumpur.

duduk kondominium berkenaan yang terhidu bau busuk.

Difahamkan, pemilik rumah yang melakukan pemeriksaan terkejut menemui puluhan rangka, organ dan bangkai kucing.

Terdapat anggota badan haiwan itu yang dikerat selain daging dikisar di rumah tersebut.

Terdapat sebuah bilik yang turut dipenuhi bangkai haiwan disyaki kucing yang telah reput.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/3/2023	HARIAN METRO	LOKAL	3

Lelaki 'pencinta haiwan' ditahan

Polis tahan penyewa kondominium berhubung penemuan puluhan bangkai dipercayai kucing

Oleh Hafidzul Hilmi Mohd Noor
hafidzul@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Polis menahan seorang lelaki dipercayai penyewa sebuah kondominium di Bandar Permaisuri, Cheras di sini, bagi membantu siasatan berhubung penemuan puluhan bangkai dan rangka dipercayai kucing.

Ketua Polis Daerah Cheras, Asisten Komisioner Zam Halim Jamaluddin berkata, individu berusia 31 tahun itu ditahan Bahagian Siasatan Jenayah (BSJ) Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Cheras, kelmarin.

"Siasatan lanjut berhubung perkara itu sedang dijalankan," katanya semalam.

Sebelum ini beliau dilaporkan berkata, kertas siasatan berhubung kejadian sudah dibuka dan identiti suspek masih dalam siasatan.

Terdahulu Harian Metro melaporkan penemuan pulu-



BANGKAI kucing yang ditemui di sebuah kondominium di Bandar Permaisuri, Cheras. - FOTO Persatuan Haiwan Malaysia

han rangka dan bangkai haiwan di dalam sebuah unit kediaman kondominium di Bandar Permaisuri, Cheras di sini.

Penganalisa Jenayah Haiwan yang juga Presiden Persatuan Haiwan Malaysia, Arie Dwi Andika dilaporkan berkata, penemuan itu susulan aduan penduduk kondominium berhubung bau busuk di kediaman berkenaan.

Pemilik kediaman yang dihubungi kemudian melaku-

kan pemeriksaan di rumahnya yang disewa seorang lelaki tempatan itu pada 11 Mac lalu sebelum terkejut mendapati berpuluh rangka haiwan terdapat di dalam premis itu.

Susulan itu, Dwi Andika menggesa siasatan segera dijalankan oleh pihak polis dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) berikutan sehingga kini tiada maklum balas positif selepas laporan dibuat 13 Mac lalu.

Penyewa ditahan kes aniaya kucing

Bantu siasatan berhubung penemuan puluhan bangkai dan rangka haiwan itu di sebuah kondominium

SHAH ALAM

Polis menahan seorang suspek lelaki warga tempatan kerana disyaki terlibat dengan kes penemuan puluhan bangkai dan rangka kucing di sebuah rumah sewa di Kondominium Bayu Taski, Bandar Sri

Permaisuri, Cheras.

Ketua Polis Daerah Cheras, Asisten Komisioner Zam Halim Jamaluddin berkata, suspek berumur 31 tahun yang merupakan penyewa rumah berkenaan ditahan di Cheras pada Sabtu.

"Siasatan lanjut berhubung kes bangkai kucing ini sedang dijalankan dan suspek direman tiga hari mulai hari ini (Ahad)," katanya dalam kenyataan pada Ahad.

Zam Halim sebelum ini mengesahkan bahawa kertas siasatan berhubung kes puluhan bangkai kucing ditemui sudah dibuka namun identiti suspek masih dalam siasatan.

Sinar Ahad melaporkan aduan bau busuk di

sebuah kondominium di Bandar Sri Permaisuri membawa kepada penemuan puluhan rangka, bangkai, cebisan organ dan daging kisar dipercayai kes kezaliman kucing pada 11 Mac lalu.

Presiden Persatuan Haiwan Malaysia, Arie Dwi Andika berkata, awalnya beberapa jiran mengadu tidak tahan dengan bau busuk dari rumah sewa yang dihuni seorang lelaki tempatan itu.

Manurutnya, pemilik rumah kemudian membuat pemeriksaan dan terkejut melihat anggota haiwan berbulu itu dalam keadaan tidak cukup sihat.

Selain daging kisar di dalam baldi dan peti ais, terdapat sebuah bilik turut dipenuhi bangkai haiwan yang telah lama mereput.

Polis kemudian menerima laporan berhubung kejadian itu pada 13 Mac lepas dan membuka kertas siasatan mengikut Seksyen 428 Kanun Keseksaan kerana melakukan khianat dan membunuh haiwan.



Laporan Sinar Harian pada Ahad.

Ajar erti sabar bela kucing istimewa

SEREMBAN - Sepasang suami isteri di sini sanggup mengorbankan masa dan tenaga semata-mata ingin menjaga 12 ekor kucing termasuk dua daripadanya merupakan kucing kelainan upaya (KKU).

Malah, Siti Azila Alias, 38, dan suami, Mohd Shahri Ahmad, 38, turut mengakui kehadiran si comel itu membawa makna yang cukup besar buat mereka terutamanya dalam mengajjar erti kesabaran.

"Saya ada dua kucing kelainan upaya yang diberi nama Momot dan Tora di mana Momot ditemui dalam keadaan nyawanya ikan oleh suami dalam longkang, tiga tahun lalu," katanya.

Menceritakan kembali penemuan Momot, Siti Azila berkata, suaminya gemar memberi makanan kepada kucing jalanan dan Momot salah seekor kucing di situ.

"Bagaimanapun satu hari, kelibatnya tak kelihatan sebelum kami menemui Momot di dalam longkang. Keadaannya

lemah dan doktor sahkan Momot keguguran.

"Anaknya mati dalam perut selepas diserang anjing. Dalam keadaan macam tu, saya ambil keputusan untuk bela Momot sejak tahun 2020," katanya.

Berkongsi perihai Tora, Siti Azila berkata, kucing kesayangannya itu dilahirkan normal, tetapi menghidap masalah saraf tulang belakang ketika berusia empat bulan.

"Disebabkan itu, Tora mula sukar untuk buang air kecil dan selepas dirujuk ke klinik, doktor terpaksa membuat pembedahan memotong perutnya," katanya.

Menurutnya, dia tidak kisah untuk membelanjakan kira-kira RM1,000 setiap bulan untuk kesemua kucingnya termasuk peralatan mencuci perut Tora.

"Dari segi perubatan setakat ini kami banyak habiskan untuk Tora. Kos bagi prosedur Cystostomy atau pembedahan bagi membuka saluran ke punca kencing sebelum ini menelan kos lebih RM6,000," katanya.



Momot dan Tora merupakan kucing kelainan upaya yang dibela Siti Azila dan suami.

Gangguan emosi punca si pelaku zalim

SHAH ALAM

Tindakan mencederakan dan menzalimi haiwan dipercayai berpunca daripada gangguan emosi negatif yang lama terpendam akibat perubahan terhadap diri seseorang.

Pakar Psikologi dari Asia Pacific University of Technology & Innovation (APU), Dr Zhooriyati Sehu Mohamad berkata, individu yang memendam perasaan akan mencari alternatif untuk



ZHOORIYATI

melepaskan emosi negatif.

"Jika perkara ini berpanjangan tanpa sebarang kawalan, individu tersebut boleh bertindak mencederakan manusia atau haiwan dan membawa kepada gangguan psikologi iaitu kecelaruan kelakuan.

"Lebih teruk pelaku akan berasa puas dengan membunuh tanpa belas kasihan malah bangga terhadap diri sendiri," katanya ketika dihubungi Sinar Harian.

Tambah Zhooriyati, emosi negatif yang terpendam merupakan pembunuhan senyap dalam hidup seseorang.

"Sikap memendam perasaan atas pelbagai alasan akan membawa kepada perkara yang kurang baik dan di luar jangkaan.

"Oleh itu, kita digalakkan untuk berkongsi dan meluahkan emosi kita kepada saluran betul.

"Misalnya di Malaysia, kita boleh berhubung dengan Befrienders dan lain-lain saluran yang menyediakan perkhidmatan kaunseling 24 jam," kata beliau.

Norhaeda kongsi rezeki dengan 48 ekor kucing jalanan

KOTA BHARU - Kenaikan kos sara hidup tidak menghalang seorang wanita memelihara 48 ekor kucing jalanan sebagai tanda kongsi kasih dengan 'si bulus'.

Meskipun perlu mengeluarkan belanja sekitar RM1,000 sebulan untuk membeli makanan kucing, Norhaeda Azahari, 48, tetap gigih melaksanakan tugas tersebut.

Norhaeda berkata, sikap mudah kasihan terhadap haiwan itu membuatkan dia akan membawa pulang haiwan berkenaan yang dijumpai di jalanan untuk dijaga.

"Setiap kucing terbiar di rumah ini ada cerita tersendiri. Ada yang kudung kaki, buta mata, berpenyakit kronik dan sebagainya.

"Semua yang saya jumpa di jalanan pada awalnya berwujud buruk, kesihatan terjejas tetapi selepas dirawat, semua berubah sehingga ramai yang berminat untuk dijadikan haiwan

peliharaan," katanya.

Ujar pengusaha dobi itu, dia menganggap haiwan itu seperti ahli keluarga sendiri dengan memberikan nama panggilan yang unik sebagai tanda kasih.

"Antara nama yang diberikan seperti Enek, Nidung, King, Elo, Yang, Leng, Fifi dan bermacam-macam lagi," katanya kepada Sinar Harian.

Tambahnya, gelagat si comel yang menghiburkan dan mencuit hati, membuatkan jiwa berasa tenang sehingga dia sukar berenggang dengan haiwan tersebut.

"Ramai yang bertanya pada saya, apa kelebihan memelihara kucing terbiar dengan kos makanan, perubatan dan sebagainya.

"Jawapan saya mudah, setiap kucing yang hadir dalam hidup membawa rezeki bersama," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/3/2023	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	8

31 nelayan Vietnam ceroboh negara ditahan

PASIR PUTEH: Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) Kelantan menahan empat buah bot dan 31 nelayan Vietnam yang menceroboh perairan negara dalam dua operasi sepanjang minggu lalu.

Pengarahnya, Kepten Maritim Syed Nor Adli Syed Ab. Rahman berkata, tangkapan pertama yang melibatkan dua buah bot itu dilakukan pada jarak 64 batu nautika dari Kuala Tok Bali di sini sekitar pukul 3.45 petang dan 4 petang 20 Mac lalu.

“Dua tangkapan pada 22 Mac dilakukan oleh Kapal Maritim (KM) Jujur hasil maklumat Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) berkait pencerobohan nelayan asing pada jarak 180 batu nautika dan 170 batu nautika dari Kuala Tok Bali.

“KM Jujur mengambil masa lebih dua jam untuk menahan kedua-dua bot berkenaan melibatkan 17 awak-awak dan seorang tekong yang bertindak agresif dengan cuba meloloskan diri ke sempadan perairan antarabangsa,” katanya dalam sidang akhbar di Ibu Pejabat Maritim Kelantan Tok Bali di sini, semalam.

Menurut Syed Nor Adli, pemeriksaan mendapati semua 31 nelayan asing termasuk tekong berusia 14 hingga 64 tahun itu tidak memiliki dokumen pengenalan diri sah dan bot digunakan tiada permit menangkap ikan di bawah Akta Perikanan 1985.

Katanya, Maritim Kelantan turut merampas peralatan navigasi, alat menangkap ikan, hasil tangkapan ikan sebanyak 1,000 kilogram (kg) dan bekalan diesel lebih kurang 9,200 liter yang kesemuanya dianggarkan bernilai RM4.2 juta.

27/8/2023

BERITA
HARIAN

NASIONAL

21

4 bot Vietnam dikejar dua jam

31 ditahan dalam serbuan, barang RM4.2j kena rampas

Oleh Nor Fazlina Abdul Rahim

nfazlina@nstp.com.my

Pasir Puteh: Cubaan 31 nelayan Vietnam melarikan diri ke sempadan perairan selepas empat jam gagal dikejar lebih dua serbuan apabila ditahan menerusi dua serbuan berasingan. Serbuan yang membawa ke-empat rampasan bernilai RM4.2 juta itu dilakukan sepasukan pegawai dan anggota Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) Kelantan pada Isnin dan Rabu lalu menerusi Op Naga Barat, Op Kuda Laut dan Op Damai.

Pengarah Maritim Kelantan, Kepten Syed Nor Adli Syed Ab Rahman, berkata serbuan per-

tama dilakukan Isnin lalu ketika bot ronda melakukan rondaan mendapati dua bot nelayan asing dipercayai dari Vietnam dikesan jam 3.45 petang.

Beliau berkata, pihaknya menahan kedua-dua bot berkenaan dan mendapati bot pertama dikendalikan lima kru termasuk tekong, manakala bot kedua dikendalikan dua kru termasuk tekong.

"Kedua-dua bot ditahan pada jarak 64 batu nautika dari Muara Tok Bali dan kita mengambil masa 16 jam untuk mengiringi ke Jeti Maritim bagi siasatan lanjut," katanya di sini, semalam.

Beliau berkata, dua lagi bot ditahan oleh KM *Jujur* pada Rabu lalu hasil maklumat diserahkan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) yang melaksanakan rondaan.

"Bot pertama ditahan 8.45 pagi membabitkan enam kru termasuk tekong warga Vietnam, manakala bot kedua ditahan jam 10.57 pagi membabitkan 18 kru termasuk tekong.

"KM *Jujur* mengambil masa lebih dua jam untuk menahan

kedua-dua bot, sebelum mengambil masa lebih 48 jam untuk tiba di Jeti Maritim," katanya.

Tidak beri kerjasama

Beliau berkata, bot pertama ditahan pada jarak lebih kurang 180 batu nautika dari Muara Tok Bali, manakala bot kedua ditahan pada jarak 170 batu nautika dari muara sama.

"Ketika penahanan, keempat-empat bot berkenaan tidak memberikan kerjasama dan cuba melarikan diri ke sempadan negara, sebelum berjaya ditahan.

"Pemeriksaan mendapati, keempat-empat bot termasuk tekong warga Vietnam daripada empat bot yang ditahan berusia 14 hingga 64 tahun. Semua mereka tidak mempunyai sebarang dokumen pengenalan diri yang sah.

"Keempat-empat bot juga tidak memiliki permit untuk menangkap ikan mengikut Akta Perikanan 1985," katanya.

Mengulas lanjut beliau berkata, penahanan 31 kru berkenaan membawa kepada rampasan



Syed Nor Adli menunjukkan nombor pendaftaran palsu bot nelayan Vietnam di Jeti Maritim Malaysia Kelantan, Tok Bali, semalam.

(Foto Nik Abdullah Nik Omar/BH)

empat bot termasuk peralatan navigasi, peralatan menangkap ikan, ikan lebih kurang 1,000 kilogram (kg) dianggarkan bernilai RM4.2 juta.

Sementara itu, Maritim Kelantan melupuskan 11 bot nelayan asing untuk dijadikan tahanan tiruan sepanjang tiga bulan pertama tahun ini.

Syed Nor Adli berkata se-

mula 11 bot berkenaan bernilai RM11.15 juta yang dirampas pada 2021 dan tahun lalu.

Katanya, proses menenggelamkan bot berkenaan mendapat kerjasama Institut Sumber Marin Asia Tenggara (ISMAT) menerusi Jabatan Perikanan Malaysia untuk memastikan tahanan bot itu sesuai menjadi tempat pembiahan ikan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/3/2023	SABAH GAZETTE	ONLINE	

FAMA Buka Tiga Bazar Ramadan Di Sabah, Tawar Harga Berpatutan



KOTA KINABALU: Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) melalui Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), membuka tiga lokasi Bazar Ramadan di Sabah, bagi memberi peluang kepada orang ramai membeli pelbagai juadah berbuka puasa pada harga berpatutan.

Timbalan Menterinya, Chan Foong Hin berkata, tiga lokasi berkenaan ialah di Asia

City, Taman Putera Jaya Telipok dan Pusat Islam Universiti Malaysia Sabah, dengan melibatkan seramai 131 penjual.

“Saya melihat sambutan terhadap Bazar Ramadan pada kali ini cukup baik, dengan kehadiran ramai pengunjung tidak kira yang beragama Islam atau tidak...ini menunjukkan sektor ekonomi kita semakin rancak berbanding pada tahun-tahun lepas, selepas negara dilanda Covid-19.

“Saya berharap orang ramai di sekitar kawasan berkenaan dapat meluangkan masa berkunjung ke Bazar Ramadan FAMA kerana harga yang berpatutan untuk semua juadah yang dijual, selain itu kebersihan juga sangat baik, dan pihak berkuasa sering membuat pemantauan,” katanya kepada pemberita di sini semalam.

Terdahulu beliau meninjau Bazar Ramadan FAMA Asia City di sini yang telah memasuki tahun ke-21 penganjurannya sejak 2001.

“Pada tahun ini FAMA menyasarkan RM800,000 jualan di Bazar Asia City dan saya jangkakan sasaran berkenaan dapat dicapai, berikutan sambutan yg sangat mengalakkan dengan penyertaan 95 usahawan,” tambahnya.

Pada masa yang sama, Foong Hin berkata, rentetan pelancaran Jualan Ramadan Madani Peringkat Kebangsaan di Pasar Tani Putrajaya pada 17 Mac lepas, FAMA Sabah turut membuka tiga lokasi Jualan Ramadan Madani di Pasar Tani Asia City, Pasar Tani Keningau dan Pasar Tani Putrajaya, Telipok.

“Jualan Ramadan Madani telah diadakan di 103 lokasi di seluruh negara melibatkan 5,124 orang usahawan,” katanya. – BERNAMA

Raih RM5,000 semusim tanam golden melon



ZURAINA (kiri) dan suami, **Abdul Rahim** menunjukkan hasil **golden melon** yang diusahakan di **Kampung Sawah Datuk, Mersing** semalam.

MERSING – Seorang wanita mampu meraih pendapatan sehingga RM5,000 untuk semusim bagi tanaman *golden melon* yang diusahakan di Kampung Sawah Datuk di sini.

Zuraina Shaharuddin, 52, berkata, dia mengusahakan tanaman itu sejak penghujung Disember lalu melibatkan 500 polibeg.

Katanya, sebelum ini dia menanam pokok cili sebelum bertukar kepada *golden melon* menggunakan kaedah fertigasi dan dijual pada harga RM10 sekilogram bagi harga jualan kebun.

"Sebelum ini, banyak kerja yang saya buat, mengajar tuisyen, mengajar mengaji termasuk pernah jual kuih. Pada masa sama, saya suka bercucuk tanam di tepi rumah.

"Kini bercucuk tanam menjadi kerja sepenuh masa saya lebih-lebih lagi selepas suami Abdul Rahim Ali, 52, bersara. Awalnya kami tanam cili, namun mena-

nam cili agak cewet kerana mudah kena serangga perosak.

"Bila tengok kawan tanam *golden melon*, saya mula beli benih dan tanam secara serius," katanya di sini semalam.

Katanya, projek tanaman *golden melon* itu diusahakan di tanah milik Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Mersing yang disewa melibatkan keluasan sekitar 2 hektar.

Menurutnya, tanaman itu dilihat lebih berbaloi kerana hanya mengambil masa 65 hari hingga 75 hari bagi setiap satu musim, sekali gus pulangnya boleh diperolehi dengan cepat.

"Saya bercadang untuk mengembangkan lagi tanaman *golden melon* ini dengan sasaran sehingga 6,000 pokok.

"Selain itu, saya turut menanam sayuran seperti terung, cili dan bendi kerana masih banyak ruang kosong di atas tanah ini," katanya.

UPM rintis penanaman ubi konjak

Potensi dibangunkan bagi menangani isu keterjaminan negara

Oleh Nurul Ezzaty Mohd Azhari
bhpendidikan@bh.com.my @ismislab

Kajang: Ubi konjak sangat berpotensi sebagai sumber makanan dan penghasilan pelbagai product hilliran. Malah ia antara tanaman yang mampu membantu negara menangani isu keterjaminan makanan.

Hal ini menjadi inti pati utama termeterainya memorandum perjanjian (MoA) antara Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Ladang Konjak Sdn Bhd, baru-baru ini.

Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), UPM,

Prof Dr Ismi Arif Ismail, berkata memorandum perjanjian itu menjadikannya sebagai perintis dalam pengeluaran ubi konjak.

"Tanaman ubi konjak adalah antara jenis tanaman yang akan membantu negara di dalam isu keterjaminan makanan sekali gus mengurangkan kebergantungan kepada negara luar," katanya.

Pengganti makanan ruji

Sementara itu, Ketua projek, Dr Martini Mohammad Yusoff dari Fakulti Pertanian UPM, berkata susulan kerjasama itu kajian perbandingan jenis, kandungan kimia (fitokimia) dan penyelidikan mengenai keupayaan sebagai pengganti makanan ruji akan dibuat.

Martini berkata, kajian mengenai kadar baja yang diperlukan termasuklah kesesuaian jenisnya serta kesan perubahan cuaca kepada proses pertumbuhan ubi konjak juga akan dilakukan.

"Perkara paling utama yang akan diberi perhatian ialah amalan

agronomi terhadap tanaman ubi konjak khasnya penilaian jenisnya.

"Hal ini memandangkan tanaman itu masih baharu di Malaysia dan memerlukan banyak penyelidikan," katanya.

Tegas Martini, disebabkan itu juga kajian lanjut merangkumi masa yang sesuai untuk menuai ubi konjak akan dibuat. Ia disebabkan faktor masa akan mempengaruhi kandungan glukomanan iaitu serat semula jadi yang terdapat dalam tanaman itu.

Katanya, glukomanan mampu memberi pelbagai khasiat kesihatan serta membantu menurunkan kandungan gula dalam darah.

"Kami berhasrat mencapai setiap objektif kajian yang dilakukan terutamanya dalam menghasilkan ubi konjak yang berkhasiat tinggi

"Sekiranya kerjasama ini berjaya, kita mengharapkan lebih banyak bidang kerjasama dalam industri ini yang boleh diterokai di masa hadapan dan meningkatkan lagi fungsi amalan agronomi," katanya.



Dr Martini menunjukkan ubi konjak yang berpotensi tinggi sebagai sumber makanan dan penghasilan pelbagai produk hilliran.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/3/2023	THE STAR	NATION	7

Former editor nurtures new life as farmer

By YEE XIANG YUN
xiangyun@thestar.com.my

JOHOR BARU: He used to chase news stories, keep to tight deadlines and was once arrested and questioned for five days for a story he wrote.

That was the hectic, demanding and challenging journalism days that spanned 20 years of his life.

Now, Yusaini Ali is enjoying a more relaxed and easy-going life, having decided to switch industries as age caught up.

Following the Covid-19 pandemic, he started a vegetable farm in Seelong, Kulai, about three years ago.

"I managed to apply for the lease of a plot of 12.1ha land from the government to plant vegetables and never looked back since.

"My farm produces a variety of crops such as cucumber, pumpkin, long beans, mustard greens, chillies and spinach.

"Life is quite different now compared to my hectic days as a journalist. Once, I was arrested and investigated under the Official Secrets Act in 1995 for an article I wrote in a Malay daily.

"I was under remand for five days but was never charged in court, thankfully," Yusaini, 51, said in an interview.

The father of six said after resigning as a journalist, he went on to become the chief editor for a state government-linked news publication and also got involved in the publication of several magazines.

Now as a newbie in the farming industry, Yusaini said he faced many challenges including proper ways to care for the crops to prevent them from "falling ill", as well as dealing with the unstable prices of vegetables.

He added that he has since learnt how to overcome some of the problems and would not shy away from embracing technology to improve his farm.

Recently, he participated in the FarmByte Food Hub programme run by Kulim (Malaysia) Bhd's subsidiary where they marry technology with farming.

"I use its app to identify the issues with my crops. The programme helps to ensure that my harvests are priced fairly in the coming months and determine future demands to




Bountiful endeavour: Yusaini showing some of the produce from his farm that he started about three years ago in Seelong, Kulai.

better plan my production," he said, adding that he uses technology to guide his nine workers and ensure they keep to the schedules.

Yusaini said the main issue for now is the unpredictable weather.

"I am hoping for clearer skies as the recent heavy rainfall and floods destroyed most of my crops. I usually can harvest 100kg to 120kg of spinach for each season but due to the rain, I could only produce 40kg of yield," he added.

Headline	Lim Guan Eng: MAFS Minister to meet with meat sellers tomorrow to discuss skyrocketing		
MediaTitle	Nanyang Slang Pau		
Date	27 Mar 2023	Color	Black/white
Section	National	Circulation	27,667
Page No	A2	Readership	83,000
Language	Chinese	ArticleSize	92 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 697
Frequency	Daily	PR Value	RM 2,091



林冠英：农长明与肉贩会面 商猪价暴涨问题

(檳城 26 日讯) 民主行动党主席林冠英指出，农业及粮食安全部长拿督斯里莫哈末沙布已同意在下周二 (28 日) 召开会议，会见本地猪肉商贩和进口商，讨论猪价暴涨问题。

他表示，他与农业部副部长陈泓缵以及数名国会议员也将出席该项会议，了解市场现况，探讨稳定我国猪价

的方案。

林冠英也是峇眼国会议员，他昨日在脸书贴文如是表示。

他说，据他了解，本地生猪肉价格已涨至每公斤约 39 令吉，进口猪脚则涨至 19 令吉 50 仙，使消费者却步。

"我将与相关部门共商解决方案，以便消费者不用吃贵猪肉。"